

ULASAN BUKU/BOOK REVIEW

Sains Sosial dan Kajian Pembangunan: Kumpulan Rencana Penghormatan untuk Profesor Abdul Rahman Embong, oleh Chin Yee Whah, Nor Hayati Sa'at dan Sity Daud (peny.). Kajang dan Bangi: Persatuan Sains Sosial Malaysia & Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, 2014, 409 halaman.

Buku *festschrift* ini adalah satu kumpulan artikel yang ditulis sebagai satu penghormatan intelektual kepada Profesor Emeritus Abdul Rahman Embong oleh rakan-rakan akademik dan sebilangan besar bekas pelajar doktor falsafah beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kumpulan rencana ini menyentuh tema-tema yang membayangkan keprihatinan dan kecenderungan intelek profesor berkenaan iaitu ilmu pengetahuan, pembangunan, kelas sosial, keterpinggiran, etnisiti dan pembinaan negara.

Sebanyak 15 bab yang mengisi ruang dalam buku ini dikumpulkan di bawah lima bahagian: (1) Pengetahuan dan Ekonomi Politik Pembangunan, (2) Pembangunan Komuniti dan Persekutaran, (3) Pembangunan dan Keterpinggiran, (4) Kelas dan Pembangunan, dan (5) Etnisiti, Pembangunan dan Pembinaan Negara. Ini selain daripada dua bab pertama yang merupakan pengenalan dan, keduanya, satu wawancara dengan Rahman Embong. Wawancara ini membuka pintu kepada minda dan dunia intelektual profesor ini, bermula dengan latar belakang diri dan keluarga taninya. Selain daripada dunia persekolahannya, kita diberitahu tentang pengalamannya sebagai pelajar di England yang membuka minda serta wawasan intelektualnya.

Dari wawancara ini juga pembaca mendapat gambaran tentang perkembangan disiplin sosiologi dan sains sosial di Malaysia pada awal tahun 70an yang digerakkan oleh satu kajian yang dibuat oleh Kumpulan Harvard Advisory Service selepas tercetusnya rusuhan 13 Mei 1969. Mereka berasaskan betapa pentingnya meletakkan asas disiplin-disiplin sains sosial seperti sosiologi, antropologi, psikologi dan sains politik di universiti tempatan dalam kerangka inisiatif memupuk perpaduan negara.

Dalam konteks inilah UKM menubuhkan Jabatan Antropologi dan Sosiologi pada bulan Mei 1970 dan mengambil tenaga akademik baru. Setelah mula bertugas sebagai pensyarah pada tahun 1971, Rahman bergiat aktif dalam forum yang diadakan di UKM, Universiti Malaya (UM) dan universiti-universiti lain. Di samping itu, beliau menerbitkan jurnal bulanan, *Truth*, pada tahun 1973 yang mengupas persoalan politik, ekonomi, budaya dan sastera. Malangnya, jurnal ini diharamkan selepas tujuh tahun diterbitkan kerana ketajaman kritikannya.

Melalui wawancara ini juga kita mengetahui sumbangan akademik Rahman dalam usaha memupuk sosiologi dan sains sosial yang berpaksikan tanah air untuk mengelak sentrisme Eropah yang dimajukan oleh dunia akademi di Eropah. Bersandarkan kesedaran bahawa sosiologi itu tidak "bebas nilai" atau

value free, Rahman mempersoalkan teori pemodenan dan pembangunan yang dianggap pro-syarikat multinasional dan bukan pro-rakyat tempatan. Beliau juga aktif sebagai Ketua Editor jurnal sains sosial UKM, *Akademika*, dan presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia, selain daripada menerbit makalah dan buku yang selari dengan keprihatinan akademiknya. Pendek kata, wawancara ini berjaya memberi latar yang penting mengenai Rahman untuk membolehkan pembaca menilai sumbangannya intelektual beliau pada kadar yang sewajarnya.

Bab tulisan salah seorang penyunting buku ini, Chin Yee Whah, bertajuk *Perniagaan Cina di Malaysia: Etnisiti, Pengurusan Pengetahuan dan Pembangunan Negara* adalah selari dengan keprihatinan sosial dan intelektual Rahman, iaitu hubungan etnik dan pembangunan negara. Di sini Chin memperkatakan perihal hubungan golongan peniaga etnik Cina dan Melayu dalam sektor ekonomi Malaysia. Beliau memberi gambaran yang mendalam dan luas tentang aktiviti perniagaan syarikat besar, kecil dan sederhana etnik Cina yang terpaksa berhadapan dengan dasar besar negara seperti Dasar Ekonomi Baru yang sudah tentunya mendatangkan implikasi serius terhadap perkembangan perniagaan etnik Cina. Dalam konteks yang mencabar ini, pembaca diberitahu tentang betapa pentingnya faktor "tahu siapa" atau "tahu orang" selain daripada pengetahuan penting tentang selok-belok perniagaan bagi syarikat etnik Cina demi survival mereka dalam dunia perniagaan di Malaysia. Usaha sama antara peniaga etnik Melayu dan Cina merupakan salah satu proses pengakomodasian inter-etnik yang timbul ekoran dari dasar-dasar baru pemerintah. Bagi peniaga etnik Cina yang merasakan kekangan yang wujud dalam sektor ekonomi di Malaysia menjadi terlalu menekan, mereka menyusun langkah untuk mengembangkan perniagaan mereka ke luar negara.

Masih lagi dengan salah satu tema kegemaran Rahman, iaitu negara dan pembangunan, penulisan Sity Daud dalam babnya membincangkan persoalan yang penting mengenai peranan negara dalam pembangunan nasional lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang mana implikasinya tidak dapat dielakkan oleh hampir semua negara di dunia ini. Perbincangan Sity yang jelas mengenai peranan negara pembangunan (*developmentalist state*) dalam pembangunan negara adalah penting dan menarik memandangkan sesebuah negara itu dilanda arus globalisasi yang membawa ombak neo-liberal yang boleh menggugat kepentingan ekonomi, politik dan budaya tempatan dan nasional dengan agendanya yang berusaha mengikis peranan negara dalam projek pembinaan negara.

Walaupun sedar betapa pentingnya negara dalam usaha membangunkan masyarakat serta projek pengagihan kekayaan dalam kalangan rakyat, Sity juga peka terhadap kelemahan yang ada pada negara, khususnya negara di dunia membangun yang mempunyai mekanisme *checks and balance* yang tidak kuat dan tiang demokrasinya yang masih kurang tegap. Akibatnya ialah dalam kes Malaysia, dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru dan juga Dasar Penswastaan, yang pada asasnya bertujuan untuk merapatkan jurang ekonomi antara etnik

Melayu dan bukan-Melayu serta memupuk dan menyuburkan komuniti perniagaan dan perindustrian Melayu khususnya, telah mencetuskan gejala negatif seperti rasuah, nepotisme dan kronisme. Keadaan ini sudah tentunya tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat jelata, khususnya kelas pekerja dan golongan bawahan lain. Namun begitu, Sity berpendirian bahawa penglibatan negara dalam sektor ekonomi masih diperlukan lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan ancaman rakus globalisasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau menyarankan kewujudan badan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang bebas dan telus bagi memastikan kebertanggungjawaban negara kepada rakyat jelata dan membentras rasuah yang bermaharajalela. Cadangan Sity ini tidak memadai memandangkan potensi penyalahgunaan kuasa dari pihak negara amatlah tinggi. Oleh itu, beliau sepatutnya menyarankan pemantapan sistem demokrasi melalui pengukuhan badan kehakiman yang bebas, pemerintahan yang telus, kebebasan media, kebebasan bersuara dan kerancakan masyarakat sivil dalam penglibatan wacana intelektual dan aktivisme sosial, antara lain.

Penulisan Athi Sivan dalam bab yang bertajuk *Positioning "New" Middle Class Studies: Regional Debates and the Malaysian Discussions* adalah pembuka tirai kepada bahagian Kelas dan Pembangunan buku ini. Hal ini kerana bab ini menggariskan perkembangan kajian kelas menengah di Asia Tenggara, amnya, dan Malaysia khususnya yang sedang mengalami proses pembangunan kapitalis, perindustrian dan pemodenan yang pesat. Perbincangan mendalam yang dilakukan mengenai teori-teori bersangkutan dengan kajian kelas menengah ini serta perdebatannya adalah menarik dan penting bagi pembaca yang berminat untuk meluaskan pengetahuannya dalam hal ini. Dalam konteks ini, penulis menyentuh kajian serta perbincangan yang melibatkan sarjana dalam penyelidikan kelas menengah di Malaysia seperti Abdul Rahman Embong, Joel Kahn, Johan Saravanmuttu dan Francis Loh Kok Wah.

Pembentukan kelas menengah dalam proses pembangunan dan pemodenan masyarakat Malaysia juga menjadi salah satu tumpuan penyelidikan Rahman, dan kecenderungan beliau ini telah menggerakkan Noraini Dhiauddin untuk menjalankan satu kajian tentang reproduksi sosial dalam keluarga kelas menengah Melayu di Lembah Klang. Dalam bab 14 buku ini, Noraini mengupas proses reproduksi sosial yang dialami dua generasi dalam 14 keluarga kelas menengah Melayu, khususnya (1) melihat kedudukan sosioekonomi kedua-dua generasi dalam keluarga berkenaan, dan (2) mengenal pasti proses reproduksi sosial yang beroperasi melalui modal budaya, modal sosial dan modal ekonomi. Hasil kajian beliau menunjukkan kelas menengah Melayu ini berjaya mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi mereka melalui modal budaya, modal sosial dan budaya ekonomi mereka.

Namun begitu, skop kajian Noraini ini tidak begitu meluas untuk membolehkan kita melihat bagaimana kelas menengah Melayu ini ketika kajian dilakukan, khususnya generasi keduanya, misalnya mengisi ruang masa dan

intelektual mereka. Adakah mereka mencebur kegiatan sosial yang membantu menyuburkan masyarakat sivil dan seterusnya berusaha memantapkan pendemokrasian, atau hanya berkecenderungan untuk mengekalkan status quo? Apakah implikasi politik, sosial dan budaya ekoran dari pembentukan budaya kepenggunaan (*consumer culture*) yang dibawa oleh gelombang globalisasi dalam kalangan kelas menengah Melayu ini?

Bab 15 yang bertajuk *Pembangunan, Kelas dan Kepelbagaian Masyarakat Malaysia: Ke Arah Kesepadan dan Perpaduan Nasional* menjanjikan perbincangan yang penting lagi menarik. Malangnya, penulisan ini tidak menampakkan matlamat yang jelas. Hal ini kerana selain daripada membincangkan perihal pembangunan dan pemodenan negara, transformasi sosial, pembentukan kelas dan kepelbagaian masyarakat Malaysia, penulis Azlina Abdullah juga sempat memasukkan pemikirannya mengenai gejala kepelbagaian dalam organisasi dengan mengambil isu Proton sebagai satu kajian kes. Cara isu Proton diselitkan dalam perbincangan ini mirip perbuatan menempel sesuatu ke atas teks utama tanpa membuat kaitan yang kuat antara bahagian ini dengan bahagian lain dalam bab ini, lebih-lebih lagi apabila isu Proton ini tidak disentuh langsung dalam bahagian kesimpulan bab ini.

Media dan negara dalam pembangunan nasional sering dilihat atau dikategorikan oleh sekelompok pemimpin dan juga sarjana komunikasi sebagai "kembar Siam" yang kyonnya mempunyai peranan penting antara satu sama lain. Dalam konteks Malaysia, mengikut Chai Ming Hock dalam bab bertajuk *Kewartawanan Pembangunan Dipерkaumkan: Dua Dekad Laporan Isu-isu Pilihan Raya Akhbar Bahasa Inggeris di Malaysia*, etnisiti menjadi satu faktor sosial yang terselit dalam pemberitaan yang dilakukan oleh akhbar arus perdana berkenaan yang akibatnya menghambat pemahaman yang mendalam orang ramai tentang perkembangan politik, ekonomi, sosial dan budaya tanah air. Melalui pilihan raya umum 1995, 1999, 2004 dan 2008, Chai meninjau pola pemberitaan berkenaan dengan "pembangunan" di Malaysia.

Dalam bab ini, perbincangan tentang "kewartawanan pembangunan" yang dibuat agak nipis. Apa yang perlu dilakukan ialah penulis perlu menerangkan bahawa ada perubahan yang berlaku sejak konsep "kewartawanan pembangunan" ini diperkenalkan, iaitu konsep kewartawanan ini bermula dengan cita-cita yang murni, dengan pemberita menyiarkan baik-buruk sesuatu dasar atau projek pembangunan pemerintah dengan harapan apa-apa kesilapan yang telah dilakukan oleh pembuat dasar dan pemerintah boleh dielakkan atau diperbaiki pada masa depan demi kesejahteraan rakyat jelata. Malangnya, konsep kewartawanan ini akhirnya telah "disongsangkan" oleh sekumpulan pemimpin politik di Asia hingga menjadi sebuah kewartawanan yang hanya mencurahkan pujian kepada pemerintah tanpa apa-apa kritikan, atau jika ada hanya sedikit kritikan yang membina.

Selain itu, Chai perlu membuat kupasan terhadap apakah yang dimaksudkan "pembangunan" dalam konteks pemberitaan pilihan raya umum. Juga, apa yang perlu dibincangkan ialah konsep "kaum" jika dibandingkan istilah "etnisiti" yang digunakan dalam tajuk bahagian buku ini, iaitu Etnisiti, Pembangunan dan Pembinaan Negara. Akhir sekali, jika faktor "kaum" ditumpukan di sini, kenapa golongan etnik India di Malaysia tidak diambil kira dalam kajian ini walhal Isu Tuntutan Hindraf juga dibincang dalam satu seksyen bab ini?

Terdapat sejumlah empat bab yang membincangkan isu atau perkara yang berkaitan dengan negara jiran Indonesia yang menarik lagi penting untuk tatapan pembaca. Namun begitu, saya berasaskan ada eloknya kumpulan bab ini diletakkan ke dalam satu bahagian yang berasingan di bawah kategori Indonesia kerana ianya memerlukan satu penulisan ringkas mengenai konteks luas Indonesia dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya untuk membolehkan pembaca, khususnya bagi mereka yang kurang arif dalam hal negara Indonesia, memahami isu atau perkara yang diketengahkan oleh kumpulan artikel itu dengan lebih baik.

Akhir kata, buku suntingan ini pada asasnya digerakkan oleh sumbangan intelektual dan akademik yang besar serta keprihatinan sosial Abdul Rahman Embong. Walaupun ada kelemahan tertentu, buku ini masih merupakan sumbangan akademik yang penting yang boleh mendatangkan manfaat kepada para akademik dan pelajar khususnya dalam bidang sains sosial tanah air.

Mustafa K Anuar
Felo, Penang Institute
mustyell@yahoo.com